

***Tarikh Dibaca: 02 Oktober 2015***

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“SOLAT TIANG AGAMA”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR  
2012-2015**

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad** (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. **SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. **Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. **Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
6. **Tuan Haji Sianid Bin Mokim** (Ahli)
7. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
8. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
9. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
10. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
11. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor
12. **Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## “SOLAT TIANG AGAMA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... فَإِذَا أَطْمَأَنَّتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ  
إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٣﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita merafakkan kesyukuran kehadiran Allah SWT diatas segala nikmat yang telah dikurniakan kepada kita dengan mempertingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah iaitu dengan melaksanakan segala perintah-



Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dikalangan orang-orang yang beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada saat yang penuh keberkatan ini, marilah kita mendengar dan menghayati khutbah jumaat yang bertajuk "**SOLAT TIANG AGAMA**".

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Solat adalah wajib keatas setiap individu muslim. Ia merupakan suatu kewajipan yang telah diperintahkan oleh Allah SWT semenjak lebih kurang seribu lima ratus tahun yang lalu. Iaitu difardhukan pada tahun kelima sebelum hijrah. Solat merupakan suatu perintah yang agung dalam agama Islam. Diatas kebesaran dan keagungan perintah solat ini Allah SWT menjemput Nabi Muhammad SAW didalam mikraj untuk disampaikan sendiri kefardhuan solat ini secara terus tanpa melalui perantaraan malaikat sebagaimana ibadah-ibadah yang lain. Kewajipan menunaikan solat ini berkekalan dan tidak gugur dari diri seorang yang mukallaf dalam apa jua keadaan dan dimana jua ia berada selama mana ia masih bernafas dan berakal.

Solat difardhukan pada asalnya ketika Israk dan Mikraj sebanyak lima puluh waktu, kemudian dikurangkan oleh Allah SWT sehingga tinggal lima waktu sahaja dalam sehari semalam yang mana pahalanya tetap seperti lima puluh waktu.

Hadis daripada Anas Bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Allah berfirman dalam sebuah Hadis Qudsi; Wahai Muhammad sesungguhnya percakapan di sisi-Ku tidak berubah. Bagi Mu lima waktu ini pahalanya sama dengan lima puluh waktu".*



(Hadis Qudsi diriwayatkan oleh At-Tirmizi).

Kefardhuan solat lima waktu ini berulang kali disebut dalam Al-Quran, diantaranya ialah ayat 43 surah al-Baqarah seperti berikut:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ



*"Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan bersama-sama orang-orang yang rukuk".*

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Ingatlah! Bahawa orang yang meninggalkan solat akan menerima seksaan atau azab dari Allah SWT semasa di dunia lagi, ketika hendak mati, semasa di dalam kubur dan semasa di akhirat kelak. Seksaan ketika di dunia ialah Allah SWT akan menghilangkan berkat pada rezekinya dan dihilangkan tanda kesolehan dari mukanya. Seksaan ketika rohnya hendak dicabut adalah dia akan berada dalam keadaan yang sangat dahaga dan merasai kesakitan yang amat sangat. Seksaan ketika di dalam kubur adalah dia tidak dapat menjawab soalan-soalan malaikat Mungkar dan Nakir, bahkan kuburnya menjadi sempit dan gelap gelita. Manakala seksaan di akhirat pula adalah ketika dihisab catatan amalan buruknya lebih banyak dari amalan baik dan menerima kemurkaan Allah SWT serta dimasukkan kedalam neraka Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Muddaththir ayat 42-43:



مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنْ

الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

*"(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata):  
"Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?. Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang".*

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Ingatlah! Solat adalah sebahagian daripada rukun islam yang lima, justeru islam tidak akan tertegak pada diri seseorang melainkan tertegaknya kesemua rukun islam terutamanya syahadat dan solat. Sebagaimana sebuah hadis daripada Abdullah Bin Umar R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Islam ditegakkan diatas lima perkara. Iaitu bersyahadat bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad ini Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa dalam bulan ramadhan dan mengerjakan haji bagi yang berkemampuan menunaikannya".*

*(Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim).*

Ketahuiilah! Sesungguhnya kewajipan solat lima waktu yang telah difardhukan oleh Allah SWT ini merupakan suatu kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh setiap individu muslim, kerana solat merupakan tiang atau asas kepada agama islam. Iaitu islam akan tertegak pada diri seseorang dengan ibadah solat yang dilakukannya dan islam akan hilang dari diri seseorang bila solat ditinggalkannya.



Selain dari itu, perlu juga diketahui dan disedari bahawa solat merupakan suatu ibadah yang amat penting dalam kehidupan setiap individu muslim. Maka beruntung dan selamatlah bagi yang melaksanakannya dengan khusuk dan sempurna dan rugilah bagi sesiapa yang meninggalkannya, kerana solat merupakan amalan yang pertama yang akan dihisab oleh Allah SWT diakhirat kelak dan merupakan penentu kepada kesempurnaan dan penerimaan amalan-amalan yang lain.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Amalan yang mula-mula sekali dihisab dari seorang hamba diakhirat ialah solat. Jika ibadah solatnya diterima, nescaya diterima amalan-amalan yang lain dan apabila solatnya ditolak maka ditolaklah amalan-amalan yang lain".*

*(Riwayat Imam an-Nasai' dan Imam At-Tirmizi).*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya Ibadah solat yang difardhukan oleh Allah SWT kepada kita adalah semata-mata untuk kepentingan kita sendiri. Allah SWT tidak akan merasa untung atas solat yang kita kerjakan dan Allah SWT tidak akan rugi bila manusia tidak melakukan, yang rugi adalah manusia itu sendiri. Oleh itu solat yang dilaksanakan dengan rasa ikhlas, khusu', sempurna dan semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT akan melahirkan hikmah kepada si pelakunya. Diantara hikmah-hikmah tersebut ialah:-



**Pertama:** Ibadah solat akan mengingatkan dan menghampirkan diri seseorang hamba itu kepada penciptanya iaitu Robbul Jalil. Firman Allah SWT dalam surah Toha ayat 14 :

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ  
لَذِكْرِي

*"Sesungguhnya Aku ini Allah, tiada Tuhan melainkan Aku, maka sembahlah Aku dan laksanakanlah solat untuk mengingati Aku".*

**Kedua :** Solat lima waktu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang dilakukan. Sebagaimana Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Solat lima waktu, jumaat hingga jumaat berikutnya adalah penebus dosa antara jarak waktu solat itu selama dijauhi dosa-dosa besar".*

*(Riwayat Imam Muslim).*

**Ketiga:** Solat menghalang perbuatan keji dan mungkar. Iaitu dengan melakukan solat akan menimbulkan rasa kehebatan, kebesaran dan keagungan Allah SWT serta gerun dan takut azab kemurkaan-Nya yang menjadi pengawal perbuatan keji dan mungkar. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 45:

...وَأَقِمِ الصَّلَاةَ<sup>ص</sup> إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ...





"Dan dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar".

**Keempat:** Solat mententeramkan jiwa. Orang yang menunaikan solat jiwanya akan merasai tenteram dan damai seterusnya dapat mengawal tekanan jiwa. Sepertimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya surah Al-Ma'arij ayat 19 – 23:

﴿ ١٩ ﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا  
﴿ ٢٠ ﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿ ٢١ ﴾ إِلَّا الْمُصَلِّينَ  
﴿ ٢٢ ﴾ الَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿ ٢٣ ﴾

"Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila dia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah. Dan apabila ia beroleh kesenangan, dia sangat bakhil. Kecuali orang yang mengerjakan solat, iaitu mereka yang tetap mengerjakan solat mereka".

**Kelima:** Solat melahirkan kejayaan, keberkatan dan kebahagiaan dalam hidup. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah a-Mukminun ayat 1 – 2 :

﴿ ١ ﴾ قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿ ٢ ﴾  
الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ  
خَشِعُونَ



*"Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, laitu mereka yang khusyuk dalam solatnya".*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Pengajaran dan penghayatan yang dapat kita ambil daripada khutbah ini adalah;

1. Umat Islam hendaklah memberikan keutamaan untuk menunaikan solat tanpa ada apa-apa alasan.
2. Kita hendaklah memastikan solat kita dilaksanakan dengan sempurna dan khusyuk.
3. Kita hendaklah memastikan ahli-ahli keluarga kita taat dan patuh menunaikan solat pada waktunya.
4. Umat Islam jangan meninggalkan solat kerana meninggalkan solat itu mengundang kemurkaan Allah dan diseksa dengan neraka Saqar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَى وَقُومُوا

لِلَّهِ قَانِتِينَ

*"Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) Segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang Wusta*



(sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu)  
Dengan taat dan khusyuk”.

(Surah al-Baqarah : 238).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِأَقْرَانِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.